



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

7 NOVEMBER 2024

## **KENYATAAN MEDIA YB PENGERUSI PAC**

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan PAC berhubung Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.
2. Isu ini adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 4 Julai 2024.
3. PAC mengadakan mesyuarat prosiding berhubung isu ini sebanyak dua (2) kali iaitu pada 24 Julai 2024 dan 1 Ogos 2024. Saksi yang dipanggil adalah:
  - i. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara;
  - ii. Datuk Awang Alik bin Jeman, mantan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri [kini dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN)];
  - iii. Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan bin Che Rose, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN); dan
  - iv. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin, Pengerusi MPN.
4. Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC membuat lapan (8) rumusan seperti berikut:

- i. Keberkesanan dan fungsi Majlis Profesor Negara (MPN) kepada Kerajaan tidak dapat ditentukan, kerana KPI yang tidak ditentukan dan tidak dilaporkan kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM), serta penyaluran dana yang tidak disalurkan kepada kluster/*chapter* menyebabkan aktiviti MPN tidak dilaksanakan mengikut matlamat penubuhannya pada tahun 2014.
- ii. Pengoperasian MPN tidak dipantau sepenuhnya oleh JPM bermula 8 November 2021 menyebabkan berlakunya pelbagai ketidakaturan dalam pengurusan MPN. Tiada pelaporan mengenai aktiviti MPN yang pernah dibuat kepada JPM menyebabkan kawalan dan pemantauan sepenuhnya terhadap MPN tidak dapat dilaksanakan.
- iii. Apabila Kerajaan memutuskan bahawa MPN dikeluarkan daripada seliaan JPM pada tahun 2018, MPN telah meminda Artikel Pertubuhan pada tahun 2019. Dalam pindaan ini, peruntukan berhubung wakil Kerajaan dalam Lembaga Pemegang Amanah (LPA) telah digugurkan. Setelah MPN diserap semula di bawah JPM pada tahun 2021, MPN masih menggunakan Artikel Pertubuhan tahun 2019 yang dipinda meskipun telah menerima dana daripada Kerajaan. Ini menyebabkan ketiadaan wakil Kerajaan dalam LPA MPN mulai tahun 2021 yang dilihat antara faktor utama operasi dan kewangan MPN tidak dipantau dan dikawal oleh pihak Kerajaan.
- iv. Pembayaran elaun kepada LPA pada tahun 2022 dan 2023 sejumlah RM207,000 daripada geran Kerajaan berjumlah RM7.78 juta dibuat tanpa kelulusan Menteri yang bertanggungjawab terhadap SSM seperti Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang dikeluarkan oleh SSM. Ini kerana MPN masih menggunakan tatacara pembayaran elaun kepada ahli LPA seperti yang

diputuskan dalam Mesyuarat Agung LPA MPN Bil. 2/2015 bertarikh 4 Mac 2015 dan Mesyuarat Agung MPN 2016 yang disahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu.

- v. Setiausaha syarikat dilihat tidak memainkan peranannya dengan berkesan terutamanya dalam memberikan nasihat yang tepat kepada LPA mengenai kepatuhan terhadap Artikel Pertubuhan MPN terkini (2019) serta dalam menasihati LPA dalam sebarang keputusan.
- vi. Syarikat MPN Global Reach Sdn. Bhd. dan Thinkers Consultancy Sdn. Bhd. ditubuhkan bagi membantu MPN mendapatkan sumber pendapatan. Walau bagaimanapun, semakan melalui carian SSM mendapati MPN tiada pegangan saham dalam kedua-dua syarikat berkenaan. Sebaliknya, terdapat dua (2) Ahli LPA yang mempunyai pegangan saham dalam kedua-dua syarikat berkenaan. Salah seorang Ahli LPA, Presiden/ KPE MPN mendakwa tidak menyedari bahawa beliau telah dinamakan sebagai pemegang saham syarikat. Perkara ini menyebabkan berlakunya konflik kepentingan antara MPN dan kedua-dua syarikat tersebut.
- vii. Syarikat MPN Global Reach Sdn. Bhd. dan Thinkers Consultancy Sdn. Bhd. telah beroperasi dan menggunakan kemudahan di premis MPN. MPN juga telah menggunakan dananya bagi membiayai kakitangan Syarikat yang juga merupakan kakitangan MPN.
- viii. Lanjutan daripada MPN diserap semula di bawah JPM pada tahun 2021, Artikel Pertubuhan MPN telah dipinda pada Januari 2022 dan dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada awal tahun 2024. Bagaimanapun, PAC tidak dimaklumkan mengenai status pindaan terkini.

5. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan enam (6) perkara untuk dilaksanakan seperti berikut:

- i. JPM perlu mengkaji sama ada kewujudan MPN masih relevan sebagai penggerak kepakaran tenaga akademik dalam membantu Kerajaan membangunkan negara. Sekiranya Kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan MPN sebagai CLBG, MPN perlu diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berdasarkan fungsi dan peranan MPN.
- ii. Lanjutan daripada Syor 1, JPM perlu memaklumkan PAC perkembangan mengenai keputusan Kerajaan berhubung status MPN sama ada kekal sebagai agensi CLBG di bawah Kerajaan atau sebaliknya dalam prosiding Tindakan Susulan.
- iii. MPN perlu segera mendapatkan maklum balas daripada SSM berhubung status pindaan Artikel Pertubuhan yang terbaharu.
- iv. MPN hendaklah melantik Setiausaha Syarikat yang kompeten bagi memastikan kelancaran tadbir urus MPN terutamanya dalam mematuhi semua peraturan dan undang-undang syarikat yang berkaitan.
- v. MPN perlu membuat tindakan pembetulan dengan mendapatkan kelulusan daripada menteri yang bertanggungjawab berhubung isu penggunaan peruntukan tahun 2022 yang digunakan untuk pembayaran bagi tahun 2018 hingga 2021.
- vi. JPM perlu menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berhubung proses pemantauan ke atas syarikat-syarikat di bawah

kawal selia JPM seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PB 1.2 mengenai tanggungjawab Pegawai Pengawal dan SOP tersebut hendaklah dipatuhi.

6. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac) .
7. Dalam perkembangan lain, PAC akan menyambung prosiding berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) dengan memanggil Kementerian Kerja Raya pada 19 November 2024 bagi melengkapkan prosiding seterusnya memuktamadkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek MLFF ini.
8. Selain itu, PAC akan memulakan prosiding berhubung kerugian pelaburan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) terhadap sebuah perniagaan fesyen dalam talian tempatan iaitu Fashionvalet melibatkan kerugian pelaburan dana awam berjumlah RM43.9 juta dengan memanggil Khazanah dan PNB. Prosiding dijangka akan diadakan pada minggu kedua Disember 2024.
9. Seperti semua sedia maklum, PAC sedang menjalankan prosiding berhubung Pengurusan Program Penanaman Padi dan setakat ini sebanyak empat (4) prosiding telah diadakan dengan seramai 12 saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan dan penjelasan.
10. Malah pada minggu hadapan, PAC akan mendengar keterangan dan penjelasan daripada 14 saksi yang terdiri daripada pesawah, pengeluar benih padi sah, pengilang beras dan ahli akademik.

11. Memandangkan NAFAS adalah sebahagian daripada saksi bagi prosiding ini di mana PAC pernah memanggil CEO NAFAS untuk memberi penjelasan dan keterangan pada 26 Mac 2024 serta melawat kilang NAFAS di Gurun, Kedah pada 22 April 2024.
12. Namun sejak dua minggu lepas, isu NAFAS telah menjadi topik hangat dan pertubuhan ini dianggotai 930,000 ahli peladang di seluruh negara. Sehubungan itu, PAC telah membuat keputusan untuk memanggil semula NAFAS bagi menjelaskan isu yang sedang melanda syarikat berkenaan.
13. PAC bimbang isu dan kemelut melanda NAFAS ini akan membawa kepada masalah lebih besar iaitu kekurangan baja kepada pesawah. Prosiding untuk NAFAS akan ditetapkan pada minggu kedua Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**